

10/10/1997

Bursa khas perlu sokongan dunia

Kadir Dikoh; Azizi Othman

PENGANALISIS pasaran dan pakar ekonomi menyifatkan cadangan Malaysia mewujudkan bursa khas untuk urus niaga mata wang sebagai kesungguhannya untuk mengekang tindakan manipulasi yang boleh menghancurkan ekonomi sesebuah negara.

Mereka yakin kemunculan bursa khas itu pasti menjadikan kegiatan urus niaga mata wang lebih telus dengan pesertanya dapat dikenal pasti dan yang penting sekali, ada kawalan tertentu.

Pengurus Ekonomi dan Penyelidikan Pasaran Rating Agency Malaysia Bhd (RAM), Dr Yeah Kim Leng, berkata ia satu cadangan yang baik lagi bernas supaya pasaran mata wang lebih telus dan bukan berselindung.

"Ini sudah pasti mewujudkan organisasi kawalan sendiri (SRO) yang sememangnya baik bagi mengawasi keadaan terutama berkisar kepada kegiatan manipulasi berlebihan seperti juga peraturan di bursa saham atau komoditi."

"Namun, ia memerlukan sokongan dunia kerana jika ia cuma diwujudkan di Malaysia, ia akan menyekat pengaliran modal. Setiap negara perlu ada bursa itu nanti sejajar dengan aliran kebebasan pasaran," katanya.

Seorang penganalisis lain pula berkata langkah itu juga secara langsung mencerminkan bahawa pihak antarabangsa kini mengakui hakikat bahawa satu sistem dagangan mata wang yang lebih adil dan sempurna mungkin boleh diwujudkan.

"Ini sekali gus membuka mata dunia bahawa sebenarnya memang wujud kepincangan dalam sistem dagangan tukaran mata wang asing sedia ada kerana ia tidak telus dan boleh didalangi pihak berkepentingan," katanya.

Bagaimanapun, kebanyakan mereka juga berpendapat penubuhan bursa khas itu hanya boleh dijayakan jika mempunyai komitmen agensi pelbagai hala antarabangsa seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Seorang penganalisis lain berkata, persoalan sama ada bursa khas itu boleh diwujudkan atau sebaliknya tidak harus timbul pada peringkat ini kerana jika diusahakan bersungguh-sungguh, ia mampu direalisasikan.

"Ketika Dr Mahathir mengkritik lantang kepincangan sistem dagangan tukaran wang asing sebelum ini, ramai yang berpendapat ia tidak akan sampai ke mana kerana terlalu sukar memecah benteng keangkuhan Barat yang berkepentingan."

"Tetapi kini tanda-tanda kejayaannya sudah mula kelihatan."

"Perkara yang sama juga berlaku dalam kes pewujudan bursa khas ini. Dengan komitmen tinggi, tiada yang mustahil," katanya.

Malah, katanya kepercayaan yang diberikan IMF kepada Malaysia menerajui usaha itu ialah satu pengiktirafan kepada perjuangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam membanteras ketidakadilan sistem ekonomi sejagat.

Ahli ekonomi kanan TA Securities, Anthony Dass, pula berkata cadangan itu akan membantu mengurangkan kegiatan berbentuk spekulatif atau manipulatif berlebihan di pasaran kewangan.

(END)